

SOALAN-SOALAN LAZIM ADUAN

BIL ELEKTRIK & GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK	
1	<p>Saya mendapati bil elektrik pada bulan ini sangat tinggi berbanding bulan lepas.</p> <p>Bil elektrik yang tinggi boleh berlaku disebabkan oleh beberapa punca. Antara punca yang boleh menyebabkan bil elektrik yang tinggi adalah seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">• Penambahan peralatan elektrik baru di rumah• Penggunaan peralatan elektrik dalam tempoh yang lama• Tempoh bacaan bil elektrik yang telah melebihi 31 hari• Bil elektrik anggaran yang diselaraskan selepas bacaan meter sebenar diperolehi• Meter elektrik rosak (peratusan ralat kejitudan meter melebihi 3%) <p>Sekiranya ingin mendapatkan kepastian, pengguna boleh menghubungi pemegang lesen untuk menyemak punca peningkatan bil elektrik tersebut. Jika bil elektrik yang tinggi adalah disebabkan oleh meter elektrik rosak, pemegang lesen perlu menggantikan meter pengguna dan menyelaraskan semula bil elektrik pengguna.</p>
2	<p>Tempoh bacaan bil elektrik di rumah saya telah melebihi 31 hari dan menyebabkan cajnya tinggi.</p> <p>Sekiranya tempoh bacaan bil telah melebihi 31 hari, bil elektrik akan dikira dengan menggunakan kaedah prorata berdasarkan bilangan hari pembilan oleh pemegang lesen. Kaedah ini digunakan bagi memastikan pengguna tidak dikenakan caj berlebihan dan kaedah ini turut digunakan oleh syarikat utiliti lain di dalam dan luar negara.</p> <p>Penjelasan kaedah kiraan boleh diperolehi dengan menghubungi bahagian khidmat pengguna pejabat pemegang lesen yang berhampiran.</p>
3	<p>Saya hanya menerima bil anggaran daripada pemegang lesen.</p> <p>Berikut adalah antara hal keadaan yang bacaan meter tidak dapat dilaksanakan:</p> <ul style="list-style-type: none">• pagar berkunci;• pintu berkunci;

PENAFIAN

Semua maklumat yang dinyatakan adalah kompilasi soalan-soalan lazim aduan yang diterbitkan bagi maksud memberikan maklumat am dan pengetahuan sahaja. Maklumat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan dan adalah berbeza mengikut hal keadaan dan jenis aduan yang diterima.

Suruhanjaya Tenaga tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kerugian atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan mana-mana maklumat yang diperolehi daripada laman ini.

	<ul style="list-style-type: none"> • pemilik premis atau agennya tidak memberi kebenaran masuk; • premis dikawal anjing yang garang dan tidak berantai; • meter dihalang daripada penglihatan biasa; • cermin meter tidak bersih, tidak jelas atau kabur disebabkan perbuatan pengguna; • keadaan yang berada di luar kawalan pemegang lesen seperti bencana semula jadi, laluan premis dihalang disebabkan rusuhan, kekecohan dan mogok; atau • apa-apa keadaan lain yang membahayakan keselamatan pemegang lesen. <p>Dalam hal keadaan tersebut, pemegang lesen boleh mengeluarkan bil anggaran kepada pengguna berdasarkan sejarah dan rekod penggunaan elektrik yang lepas. Pengguna dikehendaki menghubungi pemegang lesen dengan segera untuk mendapatkan bacaan meter sebenar.</p>
4	<p>Saya tidak menerima bil elektrik daripada pemegang lesen.</p> <p>Bil elektrik akan diberikan kepada pengguna secara bulanan oleh pemegang lesen. Sekiranya pengguna tidak menerima bil elektrik, pengguna boleh menghubungi pemegang lesen bagi mendapatkan bil elektrik tersebut.</p> <p>Selain itu, pengguna juga boleh mendapatkan bil elektrik bulanan melalui aplikasi pemegang lesen (jika ada seperti MyTNB).</p>
5	<p>Saya dapati bil elektrik kedai saya pada bulan ini dikenakan surcaj angkadar kuasa oleh pemegang lesen.</p> <p>Surcaj angkadar kuasa boleh dikenakan oleh pemegang lesen sekiranya nilai angkadar kuasa di pemasangan adalah kurang daripada 0.85 bagi pembekalan elektrik di bawah 132kV. Nilai angkadar kuasa yang rendah menunjukkan tahap penggunaan elektrik di pemasangan adalah tidak cekap dan telah berlakunya pembaziran elektrik. Lazimnya, hal keadaan ini adalah berpunca daripada penggunaan peralatan elektrik yang mempunyai banyak beban induktif motor seperti enjin pemampat angin.</p> <p>Pengguna perlu menghubungi mana-mana kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga bagi mendapatkan pandangan untuk meningkatkan nilai angkadar kuasa di pemasangan mereka.</p> <p>Senarai kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga boleh diperolehi daripada laman sesawang ECOS ST berikut:</p>

PENAFIAN

Semua maklumat yang dinyatakan adalah kompilasi soalan-soalan lazim aduan yang diterbitkan bagi maksud memberikan maklumat am dan pengetahuan sahaja. Maklumat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan dan adalah berbeza mengikut hal keadaan dan jenis aduan yang diterima.

Suruhanjaya Tenaga tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kerugian atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan mana-mana maklumat yang diperolehi daripada laman ini.

	https://ecos.st.gov.my/senarai-kontraktor-elektrik-berdaftar
6	<p>Pemegang lesen mengenakan kategori tarif komersil pada bil elektrik di pangsapuri servis (<i>service apartment</i>) saya.</p> <p>Penentuan kategori tarif ditentukan berdasarkan kepada aktiviti di pangsapuri servis pengguna. Jika unit tersebut digunakan untuk tujuan kediaman dan bukan perniagaan, pengguna berdaftar boleh menghubungi dan mengemukakan permohonan secara rasmi kepada pihak pemegang lesen yang membekalkan bekalan elektrik di pangsapuri servis untuk tarifnya dikemaskini kepada tarif domestik.</p>
7	<p>Pemegang lesen enggan memberi kerjasama untuk mengemaskini kategori tarif domestik pada pangsapuri servis (<i>service apartment</i>) saya, apakah tindakan yang boleh diambil kepada pemegang lesen tersebut?</p> <p>Sekiranya pemegang lesen enggan memberikan kerjasama untuk mengemaskini kategori tarif setelah permohonan rasmi dikemukakan, pengguna boleh mengemukakan aduan rasmi kepada Suruhanjaya Tenaga untuk tindakan lanjut.</p> <p>https://aduan.st.gov.my/</p>
8	<p>Bekalan elektrik di rumah selalu terputus, dan begitu juga pemutus litar utama sering terpelantik.</p> <p>Pengguna boleh menghubungi pemegang lesen untuk mengenal pasti sama ada sistem bekalan elektrik yang dihantar ke rumah tersebut adalah berada dalam keadaan baik atau sebaliknya. Jika punca bekalan elektrik terputus adalah disebabkan oleh voltan masukan yang tidak stabil atau tinggi, pemegang lesen perlu membaiki atau menambahbaik sistem bekalan elektrik tersebut untuk mengelakkan daripada kejadian yang sama berulang.</p> <p>Walau bagaimanapun, sekiranya semakan pemegang lesen mendapati bahawa voltan masukan berada dalam keadaan yang baik, pemutus litar utama yang sering terpelantik atau bekalan elektrik yang sentiasa terputus berkemungkinan berpunca daripada kerosakan pada peralatan elektrik atau sistem pendawaian dalaman rumah.</p>

PENAFIAN

Semua maklumat yang dinyatakan adalah kompilasi soalan-soalan lazim aduan yang diterbitkan bagi maksud memberikan maklumat am dan pengetahuan sahaja. Maklumat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan dan adalah berbeza mengikut hal keadaan dan jenis aduan yang diterima.

Suruhanjaya Tenaga tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kerugian atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan mana-mana maklumat yang diperolehi daripada laman ini.

	<p>Dalam hal ini, pengguna perlu menghubungi mana-mana kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga untuk memeriksa pendawaian dalaman rumah.</p> <p>Senarai kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga boleh diperolehi dari laman sesawang ECOS ST berikut:</p> <p>https://ecos.st.gov.my/senarai-kontraktor-elektrik-berdaftar</p>
9	<p>Bekalan elektrik di rumah saya sering terputus, bolehkah saya menuntut rebat daripada pemegang lesen.</p> <p>Pengguna berhak membuat tuntutan rebat daripada pemegang lesen sekiranya Tahap Prestasi Terjamin (GSL) tidak dipatuhi oleh pemegang lesen.</p> <p>Butiran lengkap syarat Tahap Prestasi Terjamin (GSL) boleh diperolehi dari laman sesawang ST: https://www.st.gov.my/ms/details/policies_details/34/10</p>
METER ELEKTRIK	
10	<p>Saya dapati bil elektrik bulan ini meningkat sejurus selepas meter pintar ditukar.</p> <p>Secara amnya, penukaran meter pintar tidak akan menyebabkan peningkatan bil elektrik melainkan meter lama yang terdapat di rumah sebelum ini tidak berfungsi mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Spesifikasi meter yang baik adalah meter yang mempunyai ralat kejituan yang rendah dan tidak melebihi 3%.</p>
11	<p>Mengapa pemegang lesen ingin menukar meter elektrik rumah saya kepada meter pintar walaupun meter lama masih elok.</p> <p>Penggunaan meter pintar yang dilengkapi dengan aplikasi atas talian akan memberikan pengguna lebih maklumat untuk memantau dan merancang strategi bagi menjimatkan penggunaan tenaga elektrik di rumah. Berbanding meter lama, maklumat tersebut tidak dapat dikongsikan kepada pengguna kerana teknologi meter lama adalah terbatas.</p>
12	<p>Saya khawatir penggantian meter pintar akan menyebabkan bil elektrik meningkat.</p>

PENAFIAN

Semua maklumat yang dinyatakan adalah kompilasi soalan-soalan lazim aduan yang diterbitkan bagi maksud memberikan maklumat am dan pengetahuan sahaja. Maklumat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan dan adalah berbeza mengikut hal keadaan dan jenis aduan yang diterima.

Suruhanjaya Tenaga tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kerugian atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan mana-mana maklumat yang diperolehi daripada laman ini.

	<p>Semua meter pintar yang dipasang oleh pemegang lesen perlu mematuhi piawaian seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • MS 62053-11:2009 - Electromechanical meters for active energy (Classes 0.5,1,2) • MS 62053-21: 2009 - Electricity Metering Equipment (a.c) – Particular Requirements – Part 21: Static Meters for Active Energy (Classes 1 and 2) • MS 62053-22:2009 - Electricity Metering Equipment (a.c) – Particular Requirements – Part 22: Static Meters for Active Energy (Classes 0,2 S and 0,5 S) • MS 62053-23:2009 - Electricity Metering Equipment (a.c) – Particular Requirements – Part 23: Static Meters for Reactive Energy (Classes 2 and 3) • MS 62052-11:2009 - Electricity Metering Equipment (a.c) – General Requirements, Test and Test Conditions – Part 11: Metering Equipment <p>Syarat ini wajib dipatuhi oleh pemegang lesen bagi memastikan meter pintar yang dipasang di pemasangan pengguna adalah tepat dan mencapai piawaian antarabangsa.</p>
13	<p>Pemegang lesen telah mengenakan fi apabila saya menghubungi mereka untuk menyemak meter elektrik yang mungkin tidak tepat</p> <p>Pengguna boleh dikenakan fi yang ditentukan oleh pemegang lesen sekiranya pengguna memohon untuk membuat semakan meter. Walau bagaimanapun, fi tersebut akan dipulangkan semula kepada pengguna sekiranya:</p> <ol style="list-style-type: none"> Meter didapati tidak tepat dan melebihi 3% Meter didapati mendaftarkan penggunahabisan tenaga semasa tiada arus elektrik mengalir <p>Dalam hal keadaan (i) dan (ii) berlaku, akaun pengguna tersebut hendaklah dilaraskan dan meter pengguna juga perlu ditukarkan kepada meter yang baharu.</p>
KES USIKAN PEPASANGAN METER (KUPM)	
14	<p>Saya telah menerima surat/notis tuntutan wang hasil terkurang oleh pemegang lesen selepas mereka memaklumkan pemasangan meter rumah saya telah diusik. Bolehkah pemegang lesen membuat pemeriksaan di premis tanpa kehadiran wakil daripada Suruhanjaya Tenaga?</p>

PENAFIAN

Semua maklumat yang dinyatakan adalah kompilasi soalan-soalan lazim aduan yang diterbitkan bagi maksud memberikan maklumat am dan pengetahuan sahaja. Maklumat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan dan adalah berbeza mengikut hal keadaan dan jenis aduan yang diterima.

Suruhanjaya Tenaga tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kerugian atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan mana-mana maklumat yang diperolehi daripada laman ini.

	<p>Di bawah Seksyen 38 Akta 447, pemegang lesen adalah dibenarkan untuk menjalankan pemeriksaan dan menuntut wang hasil terkurang sekiranya pemegang lesen dapat membuktikan bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di pemasangan meter pengguna. Dalam hal tersebut, pemeriksaan di premis tersebut boleh dijalankan tanpa kehadiran wakil daripada Suruhanjaya Tenaga.</p>
15	<p>Pemegang lesen membuat pemeriksaan ketika saya tiada di rumah. Adakah pemeriksaan meter masih boleh dijalankan tanpa kehadiran saya selaku pengguna?</p> <p>Pemegang lesen boleh menjalankan pemeriksaan meter tanpa kehadiran pengguna. Namun begitu, pengguna atau wakil boleh hadir semasa pemeriksaan meter dibuat oleh pemegang lesen sekiranya mereka berada di rumah.</p> <p>Surat pemberitahuan pemeriksaan dan pengujian terhadap pemasangan dan/atau meter pemegang lesen akan diberikan kepada pengguna setelah pemeriksaan dijalankan.</p>
16	<p>Amaun tuntutan kerugian hasil yang dituntut oleh pemegang lesen adalah tinggi. Bagaimanakah amaun tersebut ditentukan?</p> <p>Amaun tuntutan kerugian hasil ditentukan oleh pemegang lesen berdasarkan kepada beberapa faktor antaranya jenis usikan, cara pengiraan, tempoh masa tuntutan, nilai perbezaan antara bacaan sebenar dan terkurang, dan lain-lain.</p> <p>Dalam hal ini, pemegang lesen perlu mematuhi Panduan Prosedur Tuntutan Kerugian Hasil ketika membuat tuntutan dari pengguna. Pengguna boleh menghubungi pemegang lesen bagi mendapatkan penjelasan tentang perincian pengiraan.</p> <p>Kaedah tuntutan kerugian hasil juga boleh dirujuk dalam Bab 5 Buku Panduan Prosedur Tuntutan Kerugian Hasil oleh Pemegang Lesen yang dikeluarkan oleh ST.</p>
17	<p>Sekiranya pengguna merasakan amaun yang dituntut adalah tidak munasabah, apakah yang boleh dilakukan oleh pengguna?</p> <p>Pengguna boleh menghubungi pemegang lesen bagi membincangkan solusi (penyelesaian) tuntutan pembayaran. Pengguna boleh membawa dokumen</p>

PENAFIAN

Semua maklumat yang dinyatakan adalah kompilasi soalan-soalan lazim aduan yang diterbitkan bagi maksud memberikan maklumat am dan pengetahuan sahaja. Maklumat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan dan adalah berbeza mengikut hal keadaan dan jenis aduan yang diterima.

Suruhanjaya Tenaga tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kerugian atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan mana-mana maklumat yang diperolehi daripada laman ini.

	sokongan sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 5.3.3 Buku Panduan Prosedur Tuntutan Kerugian Hasil.
18	<p>Adakah pemegang lesen boleh memotong bekalan elektrik di rumah sekiranya terdapat kes Usikan Pemasangan Meter di premis?</p> <p>Di bawah Seksyen 38 Akta 447, pemegang lesen boleh membuat pemotongan bekalan elektrik sekiranya pemegang lesen mempercayai bahawa terdapat satu kesalahan usikan telah dilakukan kepada pemasangan meter. Dalam hal ini, pemotongan bekalan elektrik tersebut hendaklah tertakluk kepada peraturan dan tatacara yang telah ditetapkan.</p>
19	<p>Mengapakah pihak pemegang lesen tidak menuntut kerugian hasil usikan pemasangan meter daripada penyewa rumah saya?</p> <p>Pemegang lesen tidak menuntut kerugian hasil kes usikan pemasangan meter daripada penyewa kerana pemilik rumah adalah pengguna berdaftar yang menandatangani kontrak bekalan dengan pemegang lesen.</p> <p>Pemilik premis disarankan untuk memohon <i>Change Of Tenancy (COT)</i> kepada pemegang lesen sekiranya premis disewakan.</p>
20	<p>Apakah tindakan yang akan diambil oleh pemegang lesen jika pengguna enggan membayar tuntutan kerugian hasil?</p> <p>Sekiranya pengguna yang berkaitan tidak membayar amaun yang dituntut, pemegang lesen boleh mengambil tindakan sivil di mahkamah.</p>
21	<p>Adakah kes pengusikan pemasangan meter boleh diambil tindakan jenayah selain tindakan sivil oleh pemegang lesen?</p> <p>Boleh. Suruhanjaya Tenaga mempunyai bidang kuasa untuk mengambil tindakan jenayah bagi kes yang melibatkan kesalahan di bawah subseksyen 37(3) dan 37(14) Akta 447. Apabila disabitkan kesalahan, mana-mana orang boleh dikenakan denda atau dipenjarakan atau kedua-keduanya oleh Mahkamah.</p>
22	<p>Adakah pemegang lesen masih boleh membuat tuntutan kerugian hasil sekiranya saya telah menjual rumah saya?</p>

PENAFIAN

Semua maklumat yang dinyatakan adalah kompilasi soalan-soalan lazim aduan yang diterbitkan bagi maksud memberikan maklumat am dan pengetahuan sahaja. Maklumat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan dan adalah berbeza mengikut hal keadaan dan jenis aduan yang diterima.

Suruhanjaya Tenaga tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kerugian atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan mana-mana maklumat yang diperolehi daripada laman ini.

	<p>Boleh dalam hal keadaan sekiranya pengguna tidak menutup akaun atau tidak membuat permohonan pertukaran nama pengguna berdaftar semasa proses menjual rumah.</p> <p>Pemegang lesen akan menuntut hasil terkurang daripada pengguna berdaftar.</p>
23	<p>Apakah saranan dan panduan kepada saya sebagai pembeli rumah <i>subsale</i> untuk mencegah daripada dikenakan tindakan sivil atau jenayah melibatkan kes usikan pemasangan meter oleh pemegang akaun lama?</p> <p>Pengguna adalah disarankan untuk memohon atau meminta pemegang lesen membuat pemeriksaan pengujian meter terlebih dahulu sebelum membuat permohonan bekalan atau pertukaran nama pengguna berdaftar.</p>
24	<p>Berapakah tempoh masa tuntutan amaun kerugian hasil oleh pemegang lesen dalam hal yang melibatkan KUPM?</p> <p>Berdasarkan buku panduan yang ditetapkan, amaun kerugian hasil hendaklah dikira dari tarikh kesalahan ditemui ke belakang sehingga tarikh mula amaun terkurang caj dan tidak melebihi lima (5) tahun.</p>
25	<p>Pemegang lesen meminta saya menghidupkan beban di dalam rumah saya untuk pengujian meter dilakukan?</p> <p>Pemegang lesen meminta pengguna menghidupkan beban di dalam rumah kerana perlu menggunakan beban sedia ada yang terdapat di dalam rumah ketika sesi pengujian meter dijalankan.</p>
26	<p>Adakah pengguna boleh membuat aduan kepada ST apabila menerima surat tuntutan daripada pemegang lesen berkaitan KUPM?</p> <p>Pengguna disarankan untuk merujuk kepada pemegang lesen terlebih dahulu dan menyimpan segala rekod maklum balas yang diterima. Sekiranya tiada penyelesaian dapat dicapai antara pengguna dengan pemegang lesen, pengguna boleh membuat aduan kepada pihak ST.</p>
27	<p>Adakah terdapat kontraktor elektrik yang menawarkan khidmat untuk mengurangkan penggunaan tenaga elektrik?</p>

PENAFIAN

Semua maklumat yang dinyatakan adalah kompilasi soalan-soalan lazim aduan yang diterbitkan bagi maksud memberikan maklumat am dan pengetahuan sahaja. Maklumat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan dan adalah berbeza mengikut hal keadaan dan jenis aduan yang diterima.

Suruhanjaya Tenaga tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kerugian atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan mana-mana maklumat yang diperolehi daripada laman ini.

	<p>Terdapat kontraktor elektrik yang menawarkan khidmat untuk mengurangkan penggunaan tenaga elektrik. Walau bagaimanapun, pengguna turut disarankan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • agar sentiasa berhati-hati dengan sebarang tawaran penjimatan elektrik yang diiklankan oleh mana-mana pihak dan hanya melantik kontraktor elektrik berdaftar dengan ST untuk menjalankan apa-apa kerja elektrik. • mengambil maklum bahawa pengguna/kontraktor tidak dibenarkan untuk membuat pengusikan pada pemasangan meter tanpa kebenaran daripada pemegang lesen.
28	<p>Selepas perjumpaan dengan pemegang lesen, saya masih tidak berpuas hati dengan penyelesaian yang diberikan.</p> <p>Sekiranya pengguna tidak berpuas hati dengan penyelesaian yang diberikan, pengguna boleh mengemukakan aduan rasmi kepada Suruhanjaya Tenaga untuk tindakan lanjut.</p> <p>Aduan boleh dibuat melalui laman sesawang berikut :</p> <p>https://aduan.st.gov.my/</p>
KELENGKAPAN ELEKTRIK	
29	<p>Adakah penjualan adapter boleh dibuat tanpa mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Tenaga?</p> <p>Adapter adalah salah satu kelengkapan yang dikawal oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) yang memerlukan Perakuan Kelulusan (COA) sebelum diimport, dikilang, dijual, dipamer atau diiklankan.</p> <p>Senarai maklumat bagi 34 kategori kelengkapan elektrik lain yang dikawal oleh ST boleh dicapai melalui pautan berikut:</p> <p>https://www.st.gov.my/ms/contents/files/download/158/LIST_OF_REGULATED_ELECTRICAL_EQUIPMENT_250718.pdf</p>
30	<p>Bagaimanakah cara untuk mengetahui adapter telah diluluskan untuk dijual dan digunakan?</p> <p>Kelengkapan elektrik yang diluluskan dan diperakui dengan label keselamatan SIRIM-ST adalah kelengkapan yang terjamin keselamatan dan penggunaannya.</p>

PENAFIAN

Semua maklumat yang dinyatakan adalah kompilasi soalan-soalan lazim aduan yang diterbitkan bagi maksud memberikan maklumat am dan pengetahuan sahaja. Maklumat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan dan adalah berbeza mengikut hal keadaan dan jenis aduan yang diterima.

Suruhanjaya Tenaga tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kerugian atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan mana-mana maklumat yang diperolehi daripada laman ini.

	<p>Pengguna juga boleh menyemak kelengkapan elektrik yang telah diluluskan oleh ST bagi setiap model dan jenama yang ingin dibeli di pautan berikut:</p> <p>http://edik.st.gov.my/publicenquiry/search.aspx</p>
31	<p>Berapa lamakah proses permohonan Perakuan Kelulusan Baru dan Pembaharuan Perakuan Kelulusan?</p> <p>Sekiranya dokumen yang dihantar adalah lengkap, permohonan Perakuan Kelulusan (COA) baharu akan diproses dalam tempoh lima (5) hari bekerja, manakala permohonan Pembaharuan Perakuan Kelulusan (COA) akan diproses dalam tempoh satu (1) hari bekerja.</p>
32	<p>Sekiranya peniaga menjual kelengkapan elektrik yang tidak mendapat Perakuan Kelulusan (COA), apakah hukuman yang boleh dikenakan?</p> <p>Kelengkapan elektrik akan dirampas dan peniaga akan dikenakan tindakan undang-undang. Apabila disabitkan, peniaga boleh didenda tidak melebihi lima (5) ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.</p>
33	<p>Adakah televisyen yang dijual wajib ditampal dengan label cekap tenaga Suruhanjaya Tenaga?</p> <p>Televisyen yang bersaiz 70 inci dan ke bawah (jenis Plasma, LED, LCD, dan CRT) merupakan kelengkapan yang dikawal di bawah standard <i>Minimum Energy Performance Standard</i> (MEPS) dan televisyen ini wajib dilabelkan dengan label cekap tenaga. Dalam hal ini, pengguna boleh memilih kelengkapan yang lebih jimat tenaga berdasarkan jumlah bintang yang dilabelkan.</p> <p>Lapan (8) kelengkapan cekap tenaga yang juga dikawal di bawah MEPS adalah penghawa dingin, peti sejuk, kipas domestik, mesin basuh, lampu, ketuhar gelombang mikro, periuk nasi dan peti sejuk beku. Maklumat lanjut berkaitan skop bagi setiap kelengkapan elektrik ini boleh diperolehi di pautan berikut:</p> <p>https://www.st.gov.my/ms/web/download/listing/150</p>
34	<p>Sekiranya pengilang/pengimport memasarkan televisyen tanpa memohon label cekap tenaga daripada Suruhanjaya Tenaga, apakah hukuman yang boleh dikenakan?</p>

PENAFIAN

Semua maklumat yang dinyatakan adalah kompilasi soalan-soalan lazim aduan yang diterbitkan bagi maksud memberikan maklumat am dan pengetahuan sahaja. Maklumat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan dan adalah berbeza mengikut hal keadaan dan jenis aduan yang diterima.

Suruhanjaya Tenaga tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kerugian atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan mana-mana maklumat yang diperolehi daripada laman ini.

Apabila disabitkan, pengilang/pengimport boleh didenda tidak melebihi lima (5) ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

KESELAMATAN ELEKTRIK

35 Saya bercadang untuk membuat pendawaian baru/pengubahsuaian/naik taraf pendawaian/pendawaian semula/pendawaian tambahan di kediaman saya, pihak manakah yang perlu saya lantik untuk membuat kerja-kerja tersebut?

Pengguna perlu menghubungi mana-mana kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga untuk membuat kerja-kerja pemeriksaan dan pendawaian dalaman rumah.

Senarai kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga boleh diperolehi dari laman sesawang ECOS ST berikut:

<https://ecos.st.gov.my/senarai-kontraktor-elektrik-berdaftar>

36 Adakah saya perlu memohon kelulusan daripada Suruhanjaya Tenaga sekiranya ingin memasang pagar elektrik?

Pemasangan pagar elektrik perlu mendapatkan kelulusan membina dan mengguna daripada Suruhanjaya Tenaga bagi menjamin keselamatan pengguna dan orang awam.

Pemohon boleh membuat permohonan melalui laman sesawang ECOS Suruhanjaya Tenaga berikut:

<https://ecos.st.gov.my/>

37 Bolehkah rumah dibangunkan berdekatan dengan talian aerial voltan tinggi?

Bangunan atau struktur kekal seperti rumah tidak boleh dibina berdekatan dengan talian aerial voltan tinggi atau voltan amat tinggi kerana pembinaan sedemikian boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna dan penghuni lain di dalam bangunan atau rumah tersebut.

Tiada seorang pun boleh, tanpa kebenaran yang sah daripada pemunya, pengurusan, pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan pemasangan, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengusahakan apa-apa kerja atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti dalam jarak 4.57 meter daripada konduktor.

PENAFIAN

Semua maklumat yang dinyatakan adalah kompilasi soalan-soalan lazim aduan yang diterbitkan bagi maksud memberikan maklumat am dan pengetahuan sahaja. Maklumat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan dan adalah berbeza mengikut hal keadaan dan jenis aduan yang diterima.

Suruhanjaya Tenaga tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kerugian atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan mana-mana maklumat yang diperolehi daripada laman ini.

38	<p>Adakah pemegang lesen perlu mendapatkan kebenaran daripada pemilik tanah sekiranya ingin membina talian aerial penghantaran?</p>
	<p>Pemegang lesen perlu mendapatkan kebenaran daripada pemilik tanah sama ada tanah tersebut adalah milik pihak kerajaan negeri atau pemilik perseorangan apabila ingin membina talian aerial penghantaran.</p> <p>Panduan berkenaan Izin Lalu Talian Pembekalan Elektrik boleh didapati di pautan Suruhanjaya Tenaga berikut:</p> <p>https://www.st.gov.my/ms/contents/publications/guidelines_electricity/izin%20lalu-2015.pdf</p>
39	<p>Adakah kabel elektrik yang dipasang oleh kontraktor elektrik di rumah saya perlu mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Tenaga?</p>
	<p>Kabel yang bersaiz 0.5mm² hingga 35mm² merupakan salah satu daripada 34 kelengkapan elektrik yang dikawalselia oleh Suruhanjaya Tenaga. Oleh itu, pendawaian elektrik di rumah perlu menggunakan kabel dengan saiz yang bersesuaian, telah mendapat kelulusan ST dan diemboss dengan SIRIM <i>certification mark</i> sebelum ianya boleh digunakan oleh kontraktor.</p> <p>Kelengkapan-kelengkapan elektrik lain yang dikawalselia oleh Suruhanjaya Tenaga boleh didapati di pautan FAQ Suruhanjaya Tenaga berikut:</p> <p>https://www.st.gov.my/ms/web/faqs/listing/4</p>
40	<p>Sekiranya kontraktor menggunakan kabel elektrik yang tidak mendapat Perakuan Kelulusan (COA) daripada ST, apakah hukuman yang boleh dikenakan?</p>
	<p>Sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 122 Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, mana-mana kontraktor apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM 5,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.</p>
KECEKAPAN TENAGA	
41	<p>Adakah kilang kami wajib melantik Pengurus Tenaga Elektrik Berdaftar?</p>

PENAFIAN

Semua maklumat yang dinyatakan adalah kompilasi soalan-soalan lazim aduan yang diterbitkan bagi maksud memberikan maklumat am dan pengetahuan sahaja. Maklumat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan dan adalah berbeza mengikut hal keadaan dan jenis aduan yang diterima.

Suruhanjaya Tenaga tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kerugian atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan mana-mana maklumat yang diperolehi daripada laman ini.

	<p>Kewajipan melantik Pengurus Tenaga Elektrik Berdaftar adalah terpakai sekiranya pemasangan elektrik tersebut menggunakan tenaga elektrik yang menyamai atau melebihi 3,000,000 kWj dalam tempoh enam (6) bulan berturut-turut. Sekiranya ya, pemilik pemasangan perlu mengemukakan pengesahan bertulis kepada Suruhanjaya Tenaga mengenai pelantikan Pengurus Tenaga Elektrik Berdaftar yang telah dilantik.</p> <p>Sekiranya tuan/puan ingin mendapatkan senarai Pengurus Tenaga Elektrik Berdaftar, sila layari laman sesawang ECOS Suruhanjaya Tenaga seperti berikut: https://ecos.st.gov.my/senarai-pengurus-tenaga-elektrik-berdaftar</p>
42	<p>Bolehkah hotel kami melantik Pengurus Tenaga Elektrik Berdaftar secara separuh masa berbanding sepenuh masa?</p> <p>Boleh. Pengurus Tenaga Elektrik Berdaftar boleh dilantik secara separuh masa (kontrak) atau sepenuh masa.</p>
43	<p>Adakah laporan pengurusan tenaga elektrik dengan cekap wajib dikemukakan secara berkala?</p> <p>Laporan Pengurusan Tenaga Elektrik dengan Cekap (Borang A) wajib dikemukakan kepada Suruhanjaya Tenaga setiap enam (6) bulan dan dilampirkan bersama dengan Pengisytiharan oleh Pengurus Tenaga Elektrik Berdaftar (Borang B).</p> <p>Penghantaran maklumat di dalam laporan adalah secara atas talian melalui <i>Energy Management Information System</i> (EMIS) yang boleh diakses di laman sesawang seperti yang berikut: https://emis.st.gov.my/login.xhtml</p> <p>Borang A dan Borang B boleh dijana daripada EMIS selepas maklumat di dalam laporan telah dimajukan kepada Suruhanjaya Tenaga melalui EMIS.</p> <p>Borang A dan Borang B yang telah ditandatangani boleh dimajukan ke alamat berikut:</p> <p>Suruhanjaya Tenaga No. 12, Jalan Tun Hussein Precinct 2, 62100, Putrajaya.</p>

PENAFIAN

Semua maklumat yang dinyatakan adalah kompilasi soalan-soalan lazim aduan yang diterbitkan bagi maksud memberikan maklumat am dan pengetahuan sahaja. Maklumat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan dan adalah berbeza mengikut hal keadaan dan jenis aduan yang diterima.

Suruhanjaya Tenaga tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kerugian atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan mana-mana maklumat yang diperolehi daripada laman ini.

	(U/P: Unit Kecekapan dan Pemuliharaan Tenaga)
44	<p>Adakah 'alat jimat tenaga' (ESD) diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga?</p> <p>Suruhanjaya Tenaga tidak pernah meluluskan apa-apa 'alat jimat tenaga' (ESD) kerana kajian mendapati bahawa alat tersebut tidak mengurangkan bil elektrik dengan ketara seperti yang didakwa oleh penjual.</p> <p>Untuk menjimatkan tenaga, Suruhanjaya Tenaga menggalakkan pengguna mengamalkan penggunaan tenaga elektrik yang cekap selain mengutamakan produk cekap tenaga berdasarkan kepada taraf bintang label cekap tenaga Suruhanjaya Tenaga.</p>
45	<p>Sekiranya syarikat tidak melantik Pengurus Tenaga Elektrik Berdaftar, apakah hukuman yang boleh dikenakan?</p> <p>Apabila disabitkan, syarikat boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.</p>

PENAFIAN

Semua maklumat yang dinyatakan adalah kompilasi soalan-soalan lazim aduan yang diterbitkan bagi maksud memberikan maklumat am dan pengetahuan sahaja. Maklumat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan dan adalah berbeza mengikut hal keadaan dan jenis aduan yang diterima.

Suruhanjaya Tenaga tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kerugian atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan mana-mana maklumat yang diperolehi daripada laman ini.